

PARLIAMEN—MAKSIAT

1979

KUALA LUMPUR, 27 MAC (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA PEMBANGKANG SUPAYA JANGAN MEMPERMAINKAN ISLAM DAN AMALAN UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM NEGARA INI UNTUK KEPENTINGAN POLITIK.

+JIKA SALAH LANGKAH AHLI-AHLI YANG PERHOMAT SENDIRI MUNGKIN AKAN MERASAI-KESANNYA+, TEGAS BELIAU SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK P. PATTO (DAP—MENGLEMBU) DI DEWAN RAKYAT.

ENCIK PATTO DALAM PERTANYAANNYA MENDAKWA KERAJAAN BARISAN NASIONAL SENDIRI MENGGALAKKAN MAKSIAT DENGAN MEMPENARKAN PEJUALAN ARAK DAN PERJUDIAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN UNDANG-UNDANG YANG ADA SEKARANG TIDAK MENGGALAKKAN MAKSIAT.

MAKSIAT ADALAH SUKAR UNTUK DIHAPUSKAN SAMA SEKALI DALAM MANA-MANA NEGARA DAN APA SISTEM YANG DIPAKAI SEKALIPUN.

BAGAIMANAPUN, TAMBAH BELIAU KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU UNTUK MENEGAH MAKSIAT DENGAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG TERTENTU UNTUK MENGAWALNYA. —BERSAMBUNG 1656/Z

££

B572

PARLIMEN—MAKSIAT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA JIKA ENCIK PATTO SEDAR TENTANG ISLAM DAN UNDANG-UNDANGNYA, HARI INI JUGA BELIAU PATUT MENOLAK CARA-CARA YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.

+KERANA AHLI YANG BERHORMAT TIDAK SEDAR MAKA DIANYA BERADA DALAM KEGELAPAN+, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGINGATKAN PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM HANYA BOLEH DITENTUKAN OLEH MEREKA YANG BENAR-BENAR MEMAHAMI AJARAN ISLAM.

MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN ENCIK WAN AHMAD NAJIB MOHAMED (BN—PASIR PUTIH), BELIAU BERKATA PENUBUHAN BADAN PENCEGAH MAKSIAT AKAN LEBIH BERMAKNA JIKA PARA PEGAWAI ATAU ANGGUTANYA SENDIRI SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING. — BERNAMA 1700/YF